

03 OGOS 2021 ( SELASA )

# Durian Pawang Nong pikat hati pelanggan

Oleh HARIS FADILAH AHMAD  
utusannews@mediamulia.com.my


**JERANTUT:** Ketika fenomena durian Musang King dan baka lain kurang laris di pasaran, durian kampung Hulu Cheka di sini masih ada di jiwa dalam kalangan penggemar tempatan dan pelanggan luar.

Ini kerana durian kampung bersejarah kelahiran pendekar Melayu Pahang, Pawang Nong tetap mempunyai aroma dan kelazatan isiinya yang sentiasa menambat hati pelanggan dan penggemar setiap musim raja buah berkenaan.

Walaupun penduduk berdepan kewaspadaan penularan pandemik Covid-19 dan pernguatkuasaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), pokok durian kampung Pawang Nong tetap lebat buahnya di samping bersaing dengan baka lain antaranya seperti Musang King, D24, IOI, durian Kepala Gajah, Ganja, Tangkai Panjang dan Sri Damak.

Oleh kerana durian kampung Pawang Nong menjadi tumpuan setiap musim, kerajaan negeri telah menjadikan Kampung Hulu Cheka dekat sini sebagai hab atau lembah durian kampung melalui program Durio Tourism atau Pelancongan Durian sebagai lokasi baharu tarikan pelancong ke Pahang.

Bercakap kepada *Utusan Malaysia*, peniaga durian kampung Hulu Cheka, **Abd. Manan Yunus**, 60, berkata, musim durian yang



**ISI** durian kampung 'Pawang Nong' yang sentiasa memikat selera pemimat raja buah berkenaan di Kampung Hulu Cheka di Jerantut, Pahang. - UTUSAN/HARIS FADILAH AHMAD.

'menjadi' serta lebat buahnya menyaksikan durian kampung antara pilihan penggemarnya walaupun berlaku sedikit lambakan tetapi tidak seteruk seperti tempat lain.

"Sudah hampir tiga tan durian kampung saya jual di bandar Jerantut dan Bandar Pusat Jengka kerana ada penggemar durian kampung Pawang Nong setiap kali musimnya tiba.

"Harganya berpatutan, iaitu cuma antara RM5 hingga RM6 sekilogram dan pelanggan tetap memilih dan berbelanja untuk makanan keluarga dan juga dibuat tempoyak," katanya di Kampung Tanjung Puteri, Hulu Cheka dekat di sini semalam.

Rakannya di Kampung Tanjung Puteri, Hulu Cheka, **Md.**

**Daud Ali**, 54, juga mengakui durian kampung Pawang Nong mempunyai aroma serta isi yang lembut, warna kekelabuan, rasa manis bercampur masin antara tarikan penggemar setiap kali musim durian.

"Saya cuma menunggu pelanggan dan pemborong luar datang mengambil serta berbelanja buah durian kampung di kedai di sini pada sebelah pagi hingga tengah hari.

"Sehingga kini, lebih empat tan buah ini dilepaskan untuk pasaran ke bandar Jerantut dan Bandar Pusat Jengka, malah, permintaan masih ada sehingga kini walaupun buah di dusun saya sudah hampir peringkat penghujung," katanya.